



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah terbuka kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia beralamat di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor**. Tempoh sah laku sebut harga ialah **90 hari** mulai tarikh tutup sebut harga.

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN
<b>KWP(SH)21/2017/BPM</b>	<b>SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL DAN SISTEM DARJAH KEBESARAN BINTANG PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	<b>210104</b>

2. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi/dimuat turun mulai **13 SEPTEMBER 2017 (RABU)** secara percuma melalui laman web <http://www.kwp.gov.my>.
3. Cadangan Tawaran Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan **SEBELUM ATAU PADA 19 SEPTEMBER 2017 (SELASA) JAM 12.00 TENGAH HARI** secara Manual (*hardcopy*) ke dalam *peti sebut harga atau melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada:*

**Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2  
62100 PUTRAJAYA  
(u.p.: Bahagian Kewangan)**

4. Tawaran sebut harga yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
5. **Harga tawaran** oleh Penyebut harga hendaklah **tanpa kenaan GST**.
6. Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.

**SEKSYEN PEROLEHAN KWP**



**KERAJAAN MALAYSIA**  
**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**DOKUMEN SEBUT HARGA**  
**KWP(SH)21/2017/BPM**

---

**PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL DAN SISTEM  
DARJAH KEBESARAN BINTANG PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN  
DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

---

**PERINGATAN PENTING**

**KESILAPAN MENGISI BORANG TAWARAN ATAU MELANGGAR MANA-MANA ARAHAN  
DAN SYARAT-SYARAT DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA INI  
TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**

**SILA BACA DAN FAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DALAM  
DOKUMEN SEBUT HARGA INI SEBELUM MEMBUAT TAWARAN**

## ISI KANDUNGAN

### SEKSYEN 1 – ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

1. Kenyataan Tawaran
2. Cadangan Tawaran
3. Tarikh Tutup Penyerahan Sebut Harga
4. Penyerahan Dokumen Sebut Harga
5. Harga Dan Tempoh Sah Laku Sebut Harga
6. Pindaan Dokumen Sebut Harga
7. Pembetulan Kesalahan
8. Hak Kerajaan Menerima Atau Menolak Dokumen Sebut Harga
9. Pembayaran
10. Penerimaan Sebut Harga
11. Denda/Penalti
12. Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan
13. Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah
14. Pertikaian
15. Undang-undang
16. Maklumat Tambahan

### SEKSYEN 2 – SPESIFIKASI SEBUT HARGA

1. Skop dan Senarai Perkhidmatan

### SEKSYEN 3 – LAMPIRAN-LAMPIRAN

- |               |                                      |
|---------------|--------------------------------------|
| Lampiran Q    | - Arahan Perbendaharaan 170          |
| Lampiran A    | - Keterangan Mengenai Penyebut harga |
| Lampiran B    | - Surat Jaminan Penyebut Harga       |
| Lampiran C    | - Jadual Harga Perkhidmatan          |
| Lampiran D    | - Surat Akuan Pembida                |
| Lampiran E    | - Jadual Pematuhan Skop Kerja        |
| Lampiran F    | - Jadual Pelaksanaan Perkhidmatan    |
| Lampiran G    | - Senarai Pasukan Projek             |
| Lampiran H    | - Pengalaman Pembekal                |
| Lampiran I    | - Jadual Keperluan Latihan           |
| Senarai Semak |                                      |

**SEKSYEN 1**  
**ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT**  
**KEPADA PENYEBUT HARGA**

## SEKSYEN 1 - ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1. KENYATAAN TAWARAN

1.1 Pelawaan sebut harga ini terbuka kepada syarikat-syarikat yang *eP enabled* beralamat pendaftaran di Putrajaya, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang berikut:

**210104 : *Software / System Development / Customization and Maintenance including data entry and data processing***

1.2 Tempoh pendaftaran kod bidang hendaklah masih sah sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** daripada tarikh pelawaan sebut harga ini.

### 2. CADANGAN TAWARAN

2.1 Cadangan tawaran hendaklah dikemukakan secara **Manual (*hardcopy*) melalui serahan tangan dalam peti sebut harga.**

2.2 Tawaran sebut harga yang **tidak menggunakan format Dokumen Sebut Harga** yang ditetapkan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Walau bagaimanapun, penggunaan lampiran tambahan adalah dibenarkan.

### 3. TARIKH TUTUP PENYERAHAN SEBUT HARGA

3.1 Penyerahan sebut harga (melalui peti sebut harga) hendaklah dikemukakan **TIDAK LEWAT JAM 12:00 TENGAHARI PADA 19 SEPTEMBER 2017 (SELASA)**. Dokumen sebut harga yang diterima selepas daripada tarikh dan masa yang ditetapkan, bersabit dari apa-apa punca sekalipun, tidak akan dipertimbangkan.

### 4. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

4.1 Cadangan tawaran melalui peti sebut harga hendaklah dikemukakan melalui dua (2) sampul surat berlakri (*sealed*) seperti berikut:

#### 4.1.1 SAMPUL A – TAWARAN KEWANGAN

- i. Sampul ini hendaklah ditandakan di sudut atas sebelah kiri dengan catatan berikut:

**SULIT**

**SAMPUL A - TAWARAN KEWANGAN**

**NO. SEBUT HARGA : KWP(SH)21/2017/BPM**

- ii. Sampul ini hendaklah mengandungi dokumen-dokumen yang telah lengkap diisi dan ditandatangani seperti berikut:
  - a) **Lampiran Q** - Arahan Perbendaharaan 170
  - b) **Lampiran A** - Keterangan Mengenai Penyebut Harga
  - c) **Lampiran B** - Surat Jaminan Penyebut Harga
  - d) **Lampiran C** - Jadual Harga Perkhidmatan
  - e) **Lampiran D** - Surat Akuan Pembida
  - f) Salinan **Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia.**
  - g) **Pengisytiharan status** dan mengemukakan nombor pendaftaran GST (**LAMPIRAN A**).
  - h) Salinan **Penyata Bulanan Akaun Bank** mengenai wang dalam tangan bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga (**salinan hendaklah diakui sah oleh Bank yang berkenaan**) atau salinan **Penyata Kewangan Syarikat** yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit bertauliah bagi tahun kewangan terakhir atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya.

#### 4.1.2 SAMPUL B – TAWARAN TEKNIKAL

- i. Penyebut Harga adalah **TIDAK DIBENARKAN untuk menzahirkan dengan apa-apa cara sekalipun** nama, alamat dan logo syarikat atau apa-apa tanda pengenalan syarikat pada setiap muka surat dokumen Tawaran Teknikal. Kegagalan mengikut arahan ini akan mengakibatkan sebut harga tidak akan dipertimbangkan.

ii. Sampul ini hendaklah mengandungi dokumen-dokumen berikut yang telah lengkap diisi:

- a) **LAMPIRAN E - JADUAL PEMATUHAN SKOP KERJA**
- b) **LAMPIRAN F - JADUAL PELAKSANAAN PERKHIDMATAN**
- c) **LAMPIRAN G - SENARAI PASUKAN PROJEK**
- d) **LAMPIRAN H – PENGALAMAN PEMBEKAL**
- e) **LAMPIRAN I - JADUAL KEPERLUAN LATIHAN**
- f) **SENARAI SEMAK**

iii. Sampul ini hendaklah ditandakan di sudut atas sebelah kiri dengan catatan berikut:

**SULIT**  
**SAMPUL B - TAWARAN TEKNIKAL**  
**NO. SEBUT HARGA : KWP(SH)21/2017/BPM**

4.2 Kedua-dua sampul (**SAMPUL A dan SAMPUL B**) hendaklah dimasukkan ke dalam **satu (1) sampul surat** berlakri (*sealed*) dan ditanda bahagian atas sampul surat itu dengan:

**PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL DAN SISTEM  
DARJAH KEBESARAN BINTANG PINGAT WILAYAH  
PERSEKUTUAN DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
KWP(SH)21/2017/BPM**

4.3 Tawaran sebut harga hendaklah dimasukkan sendiri ke dalam peti sebut harga atau melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada:

**Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2  
62100 PUTRAJAYA  
(u.p.: Bahagian Kewangan)**

## **5. HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA**

5.1 Penyebut Harga hendaklah mengisi maklumat yang diperlukan di dalam **LAMPIRAN C (Jadual Harga Perkhidmatan)** dengan ditandatangani dan bercop rasmi syarikat.

- 5.2 Semua tawaran harga yang dikemukakan di dalam Jadual Harga hendaklah dinyatakan dalam angka yang tepat di dalam **Ringgit Malaysia**.
- 5.3 Tiap-tiap diskaun (jika ada) hendaklah ditunjukkan dalam **LAMPIRAN C (Jadual Harga Perkhidmatan)**.
- 5.4 Penyebut Harga hendaklah menyatakan kadar harga perkhidmatan bagi item tersebut dan menjumlahkan harga perkhidmatan dengan betul untuk mendapatkan jumlah keseluruhan.
- 5.5 **Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih tanpa kenaan GST**. Nilai kenaan GST hendaklah dinyatakan berasingan sekiranya syarikat berdaftar GST dengan JKDM.
- 5.6 Sekiranya syarikat yang berjaya adalah berdaftar GST dengan JKDM, Kementerian akan mengeluarkan SST/Pesanan Tempatan kepada Syarikat dengan tawaran harga termasuk kenaan GST.
- 5.7 Bagi syarikat yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta GST, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut, hendaklah memaklumkan dengan segera kepada Kementerian berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta GST. Syarikat hendaklah membuat permohonan untuk pelarasan bagi kenaan GST. Pelarasan harga kenaan GST hendaklah dimuktamadkan oleh Pegawai Pengawal atau mana-mana pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal.
- 5.8 Harga-harga yang ditawarkan di dalam **LAMPIRAN C (Jadual Harga Perkhidmatan)** adalah **tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup**. Sebarang tuntutan kenaikan harga tidak akan dilayan.
- 5.9 Harga yang ditawarkan hendaklah juga termasuk Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.



- 5.10 Harga yang disebutkan di dalam **LAMPIRAN C (Jadual Harga Perkhidmatan)** hendaklah sah laku bagi tempoh tidak kurang daripada sembilan puluh **(90)** hari dari tarikh tutup sebut harga.
- 5.11 Dalam keadaan berkecuali, sebelum habis tempoh sah laku tawaran sebut harga asal, Kerajaan boleh meminta tempoh sah laku tawaran sebut harga dilanjutkan. Permintaan dan persetujuan akan dilakukan secara bertulis.

## 6. PINDAAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 6.1 Pihak Kerajaan berhak pada bila-bila masa sebelum tarikh tutup penghantaran Dokumen Sebut Harga meminda Dokumen Sebut Harga dengan menyediakan *addendum* di atas apa-apa sebab atas inisiatif sendiri atau atas permintaan penjelasan daripada Penyebut Harga.

## 7. PEMBETULAN KESALAHAN

- 7.1 Semua lampiran yang disediakan boleh diisi menggunakan komputer atau tulisan tangan yang kemas dan mudah dibaca dengan penggunaan **dakwat hitam** yang tidak luntur.
- 7.2 Segala pindaan atau pembatalan dalam borang-borang Tawaran Kewangan hendaklah dipotong dan ditandatangani ringkas oleh Penyebut Harga. **Penggunaan pemadam cecair adalah tidak dibenarkan.**
- 7.3 Jika terdapat apa-apa perbezaan pengiraan di dalam dokumen sebut harga ia akan dibetulkan oleh Kerajaan seperti berikut:
- a) Jika terdapat perbezaan di antara jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, jumlah dalam bentuk perkataan akan diambil kira.
  - b) Jika terdapat perbezaan di antara kadar unit dan jumlah yang didapati daripada pendaraban kadar unit dan bilangan, kadar unit yang dicatitkan akan diambil kira.
- 7.4 Jumlah yang dinyatakan di para 7.3(a) dan 7.3(b) di dalam dokumen sebut harga akan diubah oleh Kerajaan mengikut prosedur di atas bagi pembetulan kesalahan dan adalah terikat pada perubahan ini.

## **8. HAK KERAJAAN MENERIMA ATAU MENOLAK DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 8.1 Kerajaan berhak menerima atau menolak mana-mana dokumen sebut harga dan membatalkan proses sebut harga dan menolak semua dokumen sebut harga pada bila-bila masa sebelum kontrak diberikan tanpa melibatkan apa-apa tanggungan kepada yang terlibat atau tanpa memerlukan pihak Kerajaan untuk memaklumkan sebab-sebab demikian kepada yang terlibat.
- 8.2 Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran. Kerajaan berhak untuk menerima keseluruhan atau sebahagian tawaran daripada mana-mana penyebut harga/petender. Penyebut harga/petender juga boleh menawarkan harga untuk keseluruhan atau sebahagian item/pakej. Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu tawaran yang berasingan.
- 8.3 Pertimbangan sebut harga ini adalah berasaskan tawaran teknikal, tawaran kewangan dan keupayaan serta lain-lain faktor yang bersesuaian iaitu:
- a) Kerajaan tidak terikat untuk menawarkan kontrak kepada yang menawarkan harga terendah;
  - b) Keputusan Kerajaan adalah muktamad;
  - c) Kerajaan berhak memilih lebih dari satu; dan
  - d) Kerajaan tidak diperlukan untuk memberi sebab penolakan mana-mana sebut harga.

## **9. PEMBAYARAN**

- 9.1 Semua pembayaran adalah dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM);
- 9.2 Pembayaran perkhidmatan akan dibuat secara berperingkat setelah penyempurnaan perkhidmatan disahkan dengan disertakan dokumen tuntutan seperti invoice/nota penghantaran.

## 10. PENERIMAAN SEBUT HARGA

- 10.1 Pihak Kerajaan akan mengemukakan **Surat Setuju Terima (SST)** dan **Surat Akuan Pembida Berjaya** kepada Penyebut Harga yang berjaya.
- 10.2 SST boleh mengandungi syarat-syarat kontrak sebagai tambahan kepada syarat-syarat atau sebagai pengubahsuaian syarat-syarat. Sekiranya demikian sebut harga itu tidaklah boleh disifatkan sebagai disetuju terima sehingga pengesahan bertulis daripada Penyebut Harga menyatakan bahawa syarat-syarat tambahan atau yang diubah suai itu telah disetuju terima.
- 10.3 Semua syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen atau di mana-mana lampiran yang terdahulu bersama-sama dengan dokumen sebut harga ini adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan Penyebut Harga yang berjaya.

## 11. DENDA/PENALTI

- 11.1 Sekiranya Penyebut Harga yang berjaya gagal menyempurnakan perkhidmatan/obligasi dalam tempoh yang ditetapkan atau Kerajaan tidak berpuas hati dengan kualiti atau piawai pembekalan/perkhidmatan yang dilaksanakan maka perkiraan denda adalah seperti berikut:

$2\% \times \text{Nilai Perolehan} \times \text{Jumlah Hari Lewat}$

- 11.2 Sekiranya pembekalan/perkhidmatan tidak dapat dibuat sebagaimana yang ditetapkan dan pembekalan/perkhidmatan tersebut perlu dibuat oleh pihak ketiga maka sebarang kos yang berbangkit daripada pembekalan/perkhidmatan oleh pihak ketiga hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Penyebut Harga yang berjaya. Notis pemberitahuan oleh Kerajaan akan dikemukakan terlebih dahulu kepada Penyebut Harga berjaya sebelum apa-apa tindakan denda/penalti dilaksanakan.
- 11.3 Bagi bekalan dan perkhidmatan yang terpaksa ditangguhkan oleh sebab kes-kes di luar kawalan seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, peperangan, bahaya laut atau yang seumpama dengannya, maka Kerajaan boleh menimbangkan pelanjutan tempoh perkhidmatan dan pembekalan dengan

syarat Penyebut Harga yang berjaya mengemukakan notis bersama bukti yang menyebabkan perkhidmatan tertangguh dan masa yang diperlukan.

## 12. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

12.1 *Integrity Pact* dilaksanakan bertujuan untuk :

- a) Mengelak daripada menawar atau memberi rasuah;
- b) Menghendaki Penyebut Harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa; dan
- c) Memastikan Kerajaan tidak menanggung “*unnecessary costs*” dalam pelaksanaan urusan perolehan.

12.2 *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan terdiri daripada unsur-unsur penting seperti berikut :

- a) menerima **pelawaan rasmi** untuk **menyertai sebut harga** bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja;
- b) membuat **akuan** bahawa Penyebut Harga tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana pihak untuk mendapatkan atau mengekalkan sesuatu kontrak berkaitan perolehan Kerajaan;
- c) mewujudkan “**Code of Conduct**” bagi membanteras gejala rasuah dan perlakuan tidak beretika di kalangan kakitangan syarikat serta mengadakan **program pematuhan “Code of Conduct”** untuk semua kakitangan syarikat; dan
- d) Penyebut Harga yang berjaya mestilah mematuhi **perjanjian kontrak** yang mengandungi klausa Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan seperti yang diedarkan oleh Jabatan Peguam Negara melalui surat bil. PN(ADV)188 jld.5 bertarikh 24 Jun 2008.

12.3 Kaedah Pelaksanaan *Integrity Pact***Peringkat Pertama - Semasa penghantaran dokumen tawaran oleh**

- a) Kesemua Penyebut Harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida adalah seperti di **LAMPIRAN D**. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran .

**Peringkat Kedua - Semasa mengembalikan Surat Setuju Terima (SST) oleh Penyebut Harga Yang Berjaya**

- b) Penyebut Harga yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Agensi hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima (SST).

**Peringkat Ketiga - Menandatangani perjanjian berkaitan perolehan Kerajaan yang mengandungi Klausu Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan**

- c) Agensi Kerajaan hendaklah memastikan teks perjanjian berkaitan perolehan Kerajaan yang hendak ditandatangani dengan pembida mengandungi Klausu Pencegahan Rasuah Dalam Perolehan Kerajaan seperti yang diedarkan oleh Jabatan Peguam Negara melalui surat edaran bil. PN(ADV) 188 Jld. 5 bertarikh 24 Jun 2008. Agensi hendaklah memberi penekanan kepada pembida mengenai tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku sebarang pelanggaran ke atas klausa tersebut.

### **13. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

- 13.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 13.2 Sekiranya mana-mana pihak menawar atau memberi apa-apa suapan kepada anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegahan Rasuah atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 13.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 13.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan di bekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

### **14. PERTIKAIAN**

- 14.1 Apa-apa pertikaian yang timbul di antara Kerajaan dengan mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa Perjanjian, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit darinya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali jika selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara Kerajaan dengan pembekal, hendaklah dirujuk kepada penimbangtara dua orang, seorang dilantik oleh Kerajaan dan seorang oleh pihak pembekal, dan aturcara timbangtara itu adalah seperti diperuntukkan di dalam Akta Timbangtara 1952.

### **15. UNDANG-UNDANG**

- 15.1 Sebut harga ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia.

**16. MAKLUMAT TAMBAHAN**

16.1 Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga ini hendaklah dirujuk kepada:

Seksyen Perolehan  
Bahagian Kewangan  
Kementerian Wilayah Persektuan  
Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah  
Presint 2  
62100 PUTRAJAYA

Nombor Telefon : 03-8889 7839 / 7826  
Nombor faksimili : 03-8889 7730  
Emel : [sebutharga@kwp.gov.my](mailto:sebutharga@kwp.gov.my)

**SEKSYEN 2**  
**SKOP DAN SPESIFIKASI**  
**SEBUT HARGA**



## 1. SKOP PERKHIDMATAN

### 1.1 SKOP

- 1.1.1 Skop perolehan perkhidmatan penambahbaikan Portal Dan Sistem DKBPWP adalah seperti di bawah.
1. Kerja-kerja penambahbaikan dan pengukuhan ke atas tiga puluh (30) isu keselamatan (vulnerability) Portal dan Sistem DKBPWP.
  2. Kerja-kerja penambahbaikan Portal dan Sistem DKBPWP.
    - i. Penambahbaikan ciri keselamatan dengan sekatan ID Portal dan Sistem Anugerah DKBPWP.
    - ii. Penambahbaikan laporan ke format *Microsoft Excel* berdasarkan medan-medan pilihan oleh pengguna dari Sistem Anugerah DKBPWP).
    - iii. Penambahbaikan dengan membenarkan urusetia mewujudkan User ID dan Katalaluan pengguna calon terpilih.
    - iv. Penambahbaikan kemudahan sistem atau urusetia menghantar emelkan maklumat tersebut kepada calon terpilih untuk mengisi borang pencalonan secara online Maklumat yang diperlukan untuk pendaftaran adalah No. KP, nama dan alamat emel.
    - v. Penambahbaikan status kelayakkan calon akan berubah sekiranya terhadap perubahan pada kriteria kelayakkan.
    - vi. Penambahbaikan link URL dalam emel calon terpilih mempunyai ciri-ciri keselamatan.
    - vii. Penambahbaikan pangkalan data sementara untuk menyimpan maklumat calon terpilih.
  3. Pengujian Tahap Keselamatan (SPA) pada Portal dan Sistem DKBPWP setelah kerja-kerja penambahbaikan dan pengukuhan (*hardening*) selesai dijalankan.

4. Latihan (***Transfer of Technology***) - termasuk makan minum.
  - i. *3 Days Training*
  - ii. *Manual and Documentation*
5. Tempoh waranti empat (4) bulan selepas tempoh penyerahan projek.

1.1.2 Perkhidmatan hendaklah dilaksanakan :

**Kementerian Wilayah Persekutuan**  
**Bahagian Pengurusan Maklumat**  
 Aras 2, Blok 2, Menara Seri Wilayah  
 Presint 2  
 62100 Putrajaya

## 1.2 SENARAI PERKHIDMATAN

1.2.1 Senarai perkhidmatan adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Kuantiti (Unit/Lot)	Harga seunit (RM)	Jumlah Harga (RM)
1.	Mengkaji, mencadang, merekabentuk, membangun, menguji, melaksana dan mentauliah Portal dan Sistem Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan	1 lot		
2.	<i>Security Posture Assessment</i>	1 lot		
3.	Dokumentasi	1 lot		
4.	Latihan	1 lot		
5.	Lain-lain (jika berkaitan) Sila nyatakan			
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>				

**SEKSYEN 3**  
**LAMPIRAN-LAMPIRAN**

## LAMPIRAN Q

### (ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan  
nombor ini

No. Sebut Harga :
-------------------

<b>KWP(SH)21/2017/BPM</b>
---------------------------

(Kew.284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA**  
**NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL DAN SISTEM ANUGERAH DARJAH  
KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN  
DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat)

.....

No. Telefon : .....

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Kewangan : .....

Kod bidang pendaftaran yang relevan

Dengan pembelian ini : **210104**

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh  
Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)

**Kementerian Wilayah Persekutuan**  
**Aras G, 1-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah**  
**Presint 2, 62100 Putrajaya**

E-mel: -

No. Faks: -

Tarikh: **13 SEPTEMBER 2017**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
  - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan: **Rujuk Dokumen Sebut Harga.**
  - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki: **Rujuk Dokumen Sebut Harga.**
  - 1.3. Arahan pengiriman: **Kementerian Wilayah Persekutuan, Aras 3, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Putrajaya.**
  - 1.4. Sebut harga hendaklah dihantar melalui Sistem ePerolehan *dan hard copy* secara serahan tangan dalam peti sebut harga sebelum atau pada **19 SEPTEMBER 2017 (SELASA) tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari.**
  - 1.5. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **sembilan puluh (90) hari** mulai daripada tarikh tutup sebut harga.

**Tarikh: 13 September 2017**

**Oleh: Seksyen Perolehan KWP**

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarikat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
1.	PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL DAN SISTEM ANUGERAH DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN				
<p><i>Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.</i></p>					
<b>* Jumlah keseluruhan Harga Tawaran (Tanpa Kenaan GST)</b>					

(i) Tempoh perkhidmatan \_\_\_\_\_ bulan (**tempoh 4 bulan/120 hari**)

Saya/Kami dengan ini menawarkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat – syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat – syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan  
Penyebut Harga:.....

Nama dan K/P: .....

Alamat Syarikat: .....

Tarikh : .....

**Mustahak - Lihat Syarat – syarat Am Di Belakang  
SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh Penyebut Harga.

**1. KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

**2. HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos pengangkutan yang berkaitan.

**3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

**4. BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

**5. PERSETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

**6. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut Harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

**7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut Harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

**8. PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan/perkhidmatan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, Penyebut Harga hendaklah menyebabkan barang Pekeliling yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan/perkhidmatan yang ditolak itu; dan
- (ii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

**9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Penyebut Harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

**11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG  
KELUARAN MALAYSIA****12. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

**13. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

**BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA****14. MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

**15. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh Penyebut Harga.

## LAMPIRAN A

**KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA****ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA :**

Semua butir di lampiran ini hendaklah diisi oleh Penyebut Harga dengan **betul** dan **lengkap** serta dikembalikan bersama-sama dengan cadangan/tawaran. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan sebut harga ini ditolak dan mengakibatkan tindakan diambil ke atas Penyebut Harga .

**BAHAGIAN A: MAKLUMAT PENYEBUT HARGA**

1. Nama Syarikat : \_\_\_\_\_
2. Alamat Syarikat
  - 2.1 Ibu Pejabat : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_
  - 2.2 Cawangan : \_\_\_\_\_  
 (sekiranya ada) \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_
3. No. Telefon dan No. Faks : \_\_\_\_\_  
 Alamat Emel : \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN B – PENDAFTARAN SYARIKAT**

4. No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (MOF): \_\_\_\_\_
5. Tempoh Sah Pendaftaran Syarikat : \_\_\_\_\_
6. No. Pendaftaran Syarikat : \_\_\_\_\_  
 (ROB/ROS/ROC)



7. **Pengisytiharan Pendaftaran GST** dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia JKDM):

**BERDAFTAR / TIDAK BERDAFTAR**

**No. Pendaftaran GST :** \_\_\_\_\_ (Bagi Syarikat Yang Berdaftar Sahaja)

8. Status Pengemaskinian Pendaftaran GST dalam Sistem ePerolehan:

**Telah Dikemaskini / Belum Dikemaskini**

### BAHAGIAN C – MAKLUMAT SYARIKAT

9. Jenis-jenis Perniagaan : \_\_\_\_\_

10. Jenis Syarikat : Syarikat Persendirian / Syarikat Perkongsian /  
Syarikat Tanggungan Bhd / Syarikat Sdn. Bhd.  
(*potong yang tidak berkenaan*)

11. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. nyatakan

i. Modal dibenarkan : \_\_\_\_\_

ii. Modal Berbayar : \_\_\_\_\_

iii. Kemudahan Kewangan : \_\_\_\_\_ Nilai : \_\_\_\_\_

(*Overdraf, Urusan Pemfaktoran dll*)

**(Sila lampirkan satu salinan yang diakui sah)**

12. Nama Bank : \_\_\_\_\_

Alamat Bank : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

13. Status Syarikat (*Tandakan  $\checkmark$  di mana yang berkenaan*)

i. 100% Syarikat Tempatan \_\_\_\_\_

ii. Perkongsian Antara Syarikat Tempatan/Luar Negeri \_\_\_\_\_

iii. Syarikat Luar Negeri \_\_\_\_\_

iv. Lain-lain (*nyatakan*) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

## 14. Butir-butir Pemilik/Pemegang Saham Syarikat :

i. Jika milik perseorangan

Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan

ii. Jika milik perkongsian

Bil	Nama Pemilik	No. Kad Pengenalan	% Milik

iii. Jika Syarikat Sendirian Berhad

Bil	Lembaga Pengarah	No. Kad Pengenalan

Bil	Nama Pemegang Saham/ No. Kad Pengenalan	Status Bumiputera/ Bukan Bumiputera	Bilangan Saham/ % milik

CATATAN : Sila gunakan lampiran tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi.

15. Nyatakan pembekal utama dalam perkhidmatan bagi Sebut harga ini (sekiranya dibekalkan oleh pembekal/syarikat lain)

i. Nama Pembekal Utama : \_\_\_\_\_

ii. Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

iii. No. Telefon : \_\_\_\_\_

16. Nama orang yang bertanggungjawab dalam urusan Sebut harga ini dan **yang akan menandatangani Sebut harga sekiranya berjaya:**

i. Nama : \_\_\_\_\_

ii. No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

iii. Jawatan : \_\_\_\_\_

17. **Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua penerangan di atas adalah benar.**

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

**Cap Rasmi Syarikat**

**Nota: Jika didapati keterangan/maklumat di atas tidak benar, pihak Kerajaan berhak menolak/membatalkan tawaran syarikat tuan.**

**LAMPIRAN B**

**SURAT JAMINAN PENYEBUT HARGA**

Kepada:

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
ARAS G-7, BLOK 2, MENARA SERI WILAYAH, PRESINT 2  
62100 W. P. PUTRAJAYA**

Tuan,

**NO.SEBUT HARGA : KWP(SH)21/2017/BPM**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL DAN SISTEM  
DARJAH KEBESARAN BINTANG PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN DI  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Adalah saya/kami dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah keseluruhan sebanyak **RM..... (Ringgit Malaysia**

.....)(FOB).

2. Saya/kami mengesahkan bahawa perkhidmatan bagi sebut harga ini adalah disahkan tulen/*original* daripada Pengeluar/Pengedar yang mana mutu/piawaian adalah dijamin untuk penggunaan mengikut fungsinya. Saya/kami bersetuju untuk menggantikan dengan yang baru dengan tiada apa-apa bayaran tambahan, mana-mana barang yang saya/kami bekalkan yang didapati rosak akibat pembekalan atau bungkusan yang tidak sempurna, atau apa-apa kerosakan yang didapati di dalam tempoh jaminan/pembekalan disebabkan ketidaksempurnaan buatan, atau mana-mana peralatan yang telah saya/kami bekalkan yang didapati tidak menepati senarai butir-butir yang telah ditetapkan.

3. Saya/kami dengan ini mengesahkan bahawa kami akan menyempurnakan bekalan dan perkhidmatan dalam tempoh masa yang dipersetujui atau tempoh jaminan.

4. Jika sebut harga ini diterima, saya/kami bersetuju untuk menandatangani Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima dalam tempoh masa empat belas (14) hari dari tarikh surat tersebut.

5. Saya/kami bersetuju bahawa tempoh sah laku sebut harga ini akan dibuka selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh sebut harga ini ditutup dan dalam tempoh tersebut saya/kami tidak boleh menarik balik tawaran sebut harga tersebut.

.....  
(Tandatangan )

Nama Penuh :  
No. K/P :  
Alamat :

No. Telefon :  
No. Faks :  
Tarikh :

Cop Rasmi Syarikat :

.....  
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :  
No. K/P :  
Alamat :

No. Telefon :  
No. Faks :  
Tarikh :

**LAMPIRAN C**

**JADUAL HARGA PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL DAN SISTEM  
ANUGERAH DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN  
DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**A. Tempoh**

1. Tempoh Sah Laku Tawaran : 90 hari
2. Tempoh Perkhidmatan : 4 bulan

**B. Nota Penting**

1. Semua urusan niaga adalah dalam Ringgit Malaysia (RM).

**C. Jadual Harga**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Kuantiti (Unit/Lot)</b>	<b>Harga seunit (RM)</b>	<b>Jumlah Harga (RM)</b>
1.	Mengkaji, mencadang, merekabentuk, membangun, menguji, melaksana dan mentauliah Portal dan Sistem Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan di Kementerian Wilayah Persekutuan.	1 lot		
2.	<i>Security Posture Assessment</i>	1 lot		
3.	Dokumentasi	1 lot		
4.	Latihan	1 lot		
5.	Lain-lain (jika berkaitan) Sila nyatakan			
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>				

JUMLAH HARGA TAWARAN KESELURUHAN	
<b>Jumlah Harga Bagi Sebut Harga Perkhidmatan Penambahbaikan Portal Dan Sistem Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat Wilayah Persekutuan Di Kementerian Wilayah Persekutuan</b>	<b>RM</b>

**\*\* Nota: Pembayaran akan dibuat secara berperingkat / sekaligus.** Tawaran Harga adalah tidak termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Saya dengan ini mengesahkan **jumlah harga bagi Sebut Harga PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL DAN SISTEM ANUGERAH DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN** yang ditawarkan adalah sebanyak RM ..... (Ringgit Malaysia: ..... ) adalah harga sebenar.

.....  
Tandatangan Penyebut Harga  
Nama Penuh :  
No. K/P :  
Alamat :

.....  
Tandatangan Saksi  
Nama Penuh :  
No. K/P :  
Alamat :

No. Telefon :  
No. Faks :  
Tarikh :

No. Telefon :  
No. Faks :  
Tarikh :

Cop Rasmi Syarikat:

## LAMPIRAN D

## SURAT AKUAN PEMBIDA

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENAMBAHBAIKAN PORTAL DAN SISTEM DARJAH  
KEBESARAN BINTANG PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN  
DI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
KWP(SH)21/2017/BPM**

Saya,..... nombor K.P .....  
yang mewakili .....nombor Pendaftaran  
